

22 MAY 2003

MAHATHIR-KWSP

PENGURANGAN DUA PERATUS KWSP BERI KESAN POSITIF PADA EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengurangan dua peratus caruman pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata walaupun ianya mungkin hanya RM10 seorang, tetapi jumlah untuk setahun akan mencapai RM2 bilion dan apabila wang tersebut dibelanjakan, ia akan masuk ke dalam sistem kewangan negara.

"(Pada keseluruhannya) pakej (ekonomi telah) mendapat sambutan yang baik. (tetapi ada yang berpendapat) kononnya pengurangan sumbangan pekerja dari 11 peratus kepada sembilan peratus tidak mempunyai makna kerana ianya mungkin hanya berjumlah RM10 sahaja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini.

"Ini adalah tujuan kita dan bukan semua (pekerja akan menyumbang) hanya RM10 ringgit. (Mereka) yang menyumbang lebih banyak kepada caruman ini (KWSP) akan dapat lebih banyak daripada RM10 (untuk dibelanjakan)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika lebih banyak wang masuk kedalam saku rakyat Malaysia, maka lebih banyak sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, potongan kepada caruman KWSP tersebut adalah terhad dan bukannya berterusan kerana selepas tempoh setahun yang bermula pada 1 Jun 2003, caruman akan kembali kepada 11 peratus.

"Jumlah pekerja kita ialah tujuh juta, walaupun RM10 sebulan (disumbangkan) tapi ia bermakna RM70 juta. Oleh itu ia adalah satu jumlah wang yang besar," katanya.

Apabila ditanya sejauh mana ketegasan BNM dalam memantau dan memastikan pematuhan piagam pelanggan oleh institusi kewangan dalam menyediakan kemudahan yang mudah dan mencukupi untuk membiayai sumber kepada PKS seperti yang disebut di bawah pakej ekonomi itu, Dr Mahathir berkata "persoalan mengenai ketegasan sepatutnya tidak timbul."

"Ia adalah sesuatu yang mereka perlu lakukan untuk memberi layanan kepada pelanggan mereka, kita tidak boleh menghukum (institusi kewangan) tetapi kita tanya mereka (institusi kewangan) untuk memberi jaminan kepada pelanggan mereka bahawa, "kalau awak datang kepada saya, saya akan bagi duit dengan mudah." katanya.

Dalam pakej kewangan itu, institusi kewangan digesa memberi sokongan kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan memastikan mereka dapat menerima kemudahan seumpama itu dengan mudah.

Dalam hal ini, Bank Negara akan bertanggung jawab memantau piagam pelanggan yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan sebagai mencerminkan komitmen mereka ke arah aspirasi negara untuk memajukan PKS.

Di bawah pakej tersebut, Dr Mahathir berkata PKS akan terus dibangunkan bagi membolehkan mereka menjadi pemangkin dalam menjana pelaburan domestik.

-- BERNAMA

WNZ/SM ZK